

# PEKADIN cadang UMS buat kajian populasi masyarakat Pala'u asal

NST 4.2.2014 II

OLEH MARRYAN RAZAN  
(marryan@newsabah-times.com.my)


**KOTA KINABALU:** Persatuan Kebajikan dan Pendidikan Kadazandusun Murut Sabah (PEKADIN) mencadangkan agar Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjalankan kajian akademik secara mendalam mengenai populasi masyarakat Pala'u (Bajau Laut) di kawasan Pantai Timur Sabah, khususnya di perairan Semporna.

Naib Presidennya Luis Lidong (gambar) berkata, walaupun kajian sebelum ini sudah dibuat di pulau-pulau tertentu termasuk Pulau Gusung di perairan Semporna, namun terdapat keperluan untuk membuat penyelidikan secara keseluruhan masyarakat Pala'u di perairan pantai timur Sabah, kerana jumlah mereka dikatakan semakin meningkat.

Sambil mengambil contoh kewujudan masyarakat Pala'u di Semporna, beliau berkata berdasarkan maklumat penduduk tempatan di situ masyarakat Pala'u pada asalnya hanya mendiami beberapa pulau di perairan Semporna termasuk sekitar perkampungan air Bangau-Bangau, namun masyarakat itu kini boleh dilihat di merata tempat di perairan Semporna.

"Masyarakat Pala'u juga dikatakan tidak mempunyai sebarang dokumen dan oleh itu ada baiknya satu penyelidikan terperinci dibuat apatah lagi, jumlah mereka kini semakin bertambah."

"Ramai rakyat Sabah khususnya orang asal ingin tahu jumlah sebenar orang Pala'u "asal" yang sudah lama menetap atau menjalani kehidupan harian dalam bot



di perairan Semporna, kerana mereka risau mungkin ada orang Pala'u dari negara jiran yang cuba meresap dalam kalangan Pala'u asal di Semporna, tanpa disedari," katanya dalam kenyataan, di sini, kelmarin.

Luis berkata hasil kajian itu bukan sahaja menjadi bahan rujukan kepada cendekiawan atau penyelidik di pusat pengajian tinggi tetapi juga menjadi petunjuk kepada pihak berkuasa atau kerajaan untuk membuat tindakan susulan terutama daripada aspek keselamatan.

Sehubungan itu, katanya, PEKADIN berharap kerajaan, khususnya Jabatan Imigresen dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) supaya menimbaung memberikan "dokumen khas" kepada penduduk Pala'u asal bagi membendung kehadiran orang Pala'u baru dari negara jiran.

asal bagi membendung kehadiran orang Pala'u baru dari negara jiran.

"PEKADIN percaya orang-orang tua Pala'u asal mengenali generasi Pala'u asal yang sudah sekian lama hidup di perairan Semporna," katanya sambil menambah bahawa Jabatan Perangkaan boleh membantu membanci penduduk Pala'u asal di pantai timur Sabah.

Beliau berkata pendekatan baru itu wajar diberi pertimbangan memandangkan ketiadaan dokumen yang khusus "berkemungkinan akan memberi ruang kepada orang Pala'u baru dari kepulauan negara jiran misalnya Pulau Sitangkai (Filipina) menyerap masuk dan kemudiannya menyamar orang Pala'u asal".

Luis berkata perkara itu tidak boleh dipandang ringan ekoran beberapa insiden yang boleh menggugat keselamatan dan kedaulatan negara di kawasan pantai timur Sabah, termasuk pencerobohan penganas dan menjahat penculikan di Pulau Pom Pom baru-baru ini.

"Kita tidak mahu orang Pala'u yang tidak berdokumen (yang sentiasa menetap dalam bot) diambil kesempatan oleh pihak tidak bertanggungjawab atau penjenayah sebagai "laluan mudah" untuk mereka masuk dan keluar daripada perairan negara ini," katanya.

Sehubungan itu, beliau berharap Jabatan Imigresen dan JPN dapat segera mendokumentasikan orang Pala'u asal dengan memberikan kad pengenalan diri Pala'u asal.

Luis juga berharap pihak Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (Esslcom) dapat membantu menjayakan usaha murni ini.